

Kastam rampas vape, cecair perisa RM5 juta

Diikrarkan sebagai barangan plastik, dua individu ditahan

Oleh MOHD ISKANDAR OTHMAN
BUTTERWORTH

Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) merampas peranti rokok elektronik atau *vape* pelbagai jenama termasuk cecair perisa bernilai lebih RM5 juta dalam pemeriksaan di kawasan pelabuhan di Pulau Pinang dan Selangor, pada April lalu.

Pengarah Kastam Pulau Pinang, Rohaizad Ali berkata, rampasan pertama membabitkan 14,200 unit *vape* dan 210 liter cecair perisa yang dibuat ketika pemeriksaan sebuah kontena di Pelabuhan Kontena Butterworth Utara (NBCT) pada 3 April lalu.

Menurutnya, hasil siasatan mendapati kontena berkenaan diikrarkan membawa barangan plastik namun pemeriksaan dibuat menemui peranti dan cecair *vape* terbabit.

"Peranti dan cecair *vape* ini tidak diikrarkan semasa pengimporan bersama



Rohaizad (tengah) menunjukkan peranti *vape* yang dirampas dalam dua pemeriksaan di Pulau Pinang dan Selangor pada April lalu.

Mahkamah & Jenayah

"Kesemua barangan yang dirampas dianggarkan bernilai RM1,332,500 dan anggaran cukai terlibat sebanyak RM205,400," katanya

ketika sidang akhbar di sini pada Khamis. Rohaizad berkata, dua individu termasuk seorang lelaki warga China dan seorang ejen pelabuhan berusia 30-an ditahan bagi membantu siasatan.

Sementara itu, dalam kes berasingan, JKDM merampas 71,886 unit peranti *vape* dan 786.5 liter cecair perisa bernilai RM3.64 juta di Pelabuhan Klang Selangor

Beliau berkata, modus operandi sindiket terbabit juga membuat ikrar yang tidak betul pada barang dagangan yang dibawa masuk ke negara ini.

"Bagi kes ini, kesemua unit peranti yang dirampas dianggarkan bernilai RM1,942,194 dengan anggaran cukai sebanyak RM400,782. Bagi rokok elektronik, dianggarkan bernilai RM865,150 dengan anggaran cukai RM432,575," katanya.

Beliau berkata, seorang ejen pelabuhan berusia 40-an ditahan bagi membantu siasatan dan kedua-dua kes tersebut di-siasat mengikut Seksyen 133 (1)(a) Akta